



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	MINGGUAN MALAYSIA			
TARIKH	:	8/9/2019	MUKA SURAT	:	46
JABATAN	:	KATS / YBM / BMG / JMG / JKPTG / BAUKSIT			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Aktiviti bauksit dibuka semula

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

pengarang@utusan.com.my

■ TEMERLOH 7 SEPT.

SELEPAS kira-kira empat tahun dihentikan akibat pelbagai isu khususnya pencemaran, aktiviti perlombongan bauksit di negeri ini dibuka semula.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar bagaimanapun berkata, kelulusan lesen bagi memulakan perlombongan bauksit akan ditentukan oleh kerajaan negeri.

“Sekarang orang yang minat buat industri itu dia kena mohon kepada kerajaan negeri untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu. Bagaimanapun mereka kena ikut prosedur operasi standard yang te-



XAVIER JAYAKUMAR

lah ditetapkan,” katanya dalam sidang akhbar pada Sambutan Hari Gajah Sedunia di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, di sini hari ini.

Yang hadir sama Timbalan-

nya, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji; Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Zurinah Pawanteh dan Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim.

Kelmarin, beliau menggunakan SOP berkaitan perlombongan bauksit sudah dimuktamadkan selepas mengadakan perjumpaan dengan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail di Putrajaya.

Bagaimanapun setakat ini Wan Rosdy belum mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan SOP terbabit dan kaedah perlu diikuti operator lombong bagi memohon lesen untuk menjalankan aktiviti perlombongan bauksit di Pahang.